



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 9/ 2023 (September Tahun 2023)

Tarikh	Tajuk	Bil.
1 September 2023M/ 15 Safar 1445H	Islam Agama Kasih Sayang	1.
8 September 2023M/ 22 Safar 1445H	Beradab Dengan Kematian	2.
15 September 2023M/ 29 Safar 1445H	Serumpun Bak Serai, Sesusun Bak Sireh	3.
22 September 2023M/ 6 Rabi'ul Awwal 1445H	Generasi Berilmu Tonggak Kecemerlangan Ummah	4.
29 September 2023M/ 13 Rabi'ul Awwal 1445H	Rasulullah Suri Teladan Sepanjang Zaman (Khutbah Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1445H)	5.
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبیایاء:



زكاة فولاو فينغ

دتریبیتکن:



جابتن حال احوال اگام اسلام فولاو فينغ



---

## ***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Generasi Berilmu Tonggak Kecemerlangan Ummah

21 September 2023M/ 5 Rabi'ulawwal 1445H

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ، أَحْمَدُهُ الَّذِي هَدَانَا لِنُورِ  
الإِسْلَامِ، وَأَرْشَدَنَا لِطَرِيقِ الْعِلْمِ وَالْإِيمَانِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ - يَا أُمَّةَ الْإِسْلَامِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ دِينَكُمْ دِينُ عِلْمٍ وَمَعْرِفَةٍ وَثِقَافَةٍ،  
وَلَيْسَ دِينٌ جَهْلٍ وَتَخْرُصٍ أَوْ خُرَافَةٍ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Selain itu, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang



ditegah-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan kepada Allah, rahmat dan kebaikan daripada-Nya akan sentiasa memayungi hidup kita di dunia yang sementara ini.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Sesuai dengan realiti dalam masyarakat kita pada masa kini, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Generasi Berilmu Tonggak Kecemerlangan Ummah**”.

## **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Islam sebagai agama yang syumul amat menggalakkan umatnya untuk menjadi insan yang menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan serta rajin berusaha untuk mencapai kejayaan.

Buktinya, wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah ﷺ adalah untuk menyeru manusia dengan perintah membaca yang bertujuan melahirkan manusia berilmu pengetahuan. Firman Allah ﷻ dalam surah Al-‘Alaq ayat yang pertama:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾



Maksudnya: *“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan (sekalian makhluk).”*

Namun begitu, kita pernah dikejutkan dengan laporan yang dikeluarkan oleh sebuah portal berita bahawa seramai 188,884 calon bumiputera menolak tawaran keistimewaan pengajian tinggi awam (IPTA). Jumlah ini merangkumi data selama tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2020 hinggalah ke tahun 2022 dengan trend peningkatan yang amat ketara. Seramai 39,910 calon SPM menolah tawaran ke IPTA pada tahun 2020 dan 2022 naik kepada 73,432. Kecenderungan yang membimbangkan ini perlu difikirkan oleh kita semua khususnya umat Islam yang cintakan ilmu pengetahuan.

Realitinya sejak akhir-akhir ini kita melihat budaya ilmu semakin luntur dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. Terdapat banyak pihak yang memberikan komentar mengenai isu ini. Terdapat juga dakwaan yang mengatakan generasi muda pada masa kini sudah tidak berminat untuk belajar. Ada yang ingin mendapatkan pulangan lumayan dengan mudah seperti menjadi pengengaruh di media sosial, pengasas kepada pelbagai produk kegunaan manusia atau terus bekerja bagi mendapatkan wang. Ya, mungkin itu antara jalan pintas dan alasan agar tidak menyambung pelajaran, namun adakah itu jalan yang terbaik?

Mungkin ramai di antara kita yang dapat mengubah nasib dan taraf hidup berbekalkan dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Atas sebab itulah, ada dalam kalangan generasi yang terdahulu terpaksa bergolok gadai



dan bertungkus-lumus untuk menghantar anak-anak mereka ke menara gading demi mendapatkan ilmu pengetahuan.

## **SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,**

Walaupun pada masa kini semua maklumat dan informasi kebanyakannya berada di hujung jari, namun untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang benar dan sahih memerlukan adanya guru yang membimbing seseorang agar ilmu yang diperolehi adalah benar dan tidak menyeleweng daripada ajaran agama.

Proses menuntut ilmu pengetahuan suatu kewajiban dan tuntutan terhadap setiap insan yang beriman. Ini kerana, wahana ilmu merupakan kayu ukur dalam kehidupan seharian manusia dalam menentukan sama ada sesuatu perkara tersebut baik atau sebaliknya. Selain itu, betapa besar kemuliaan kepada orang yang berilmu pengetahuan sehinggakan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat berdasarkan firman-Nya dalam surah Al-Mujadalah ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: “... Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa-apa yang kamu lakukan.”



Manusia yang berilmu akan dapat menguruskan segala kehidupan di dunia ini mengikut aturan yang betul di sisi syarak dan tidak mudah tertipu dengan godaan dunia yang menyesatkan. Malah, manusia yang melakukan sesuatu amal ibadah besertakan ilmu pengetahuan lebih Allah cintai daripada manusia yang melakukan ibadah tanpa dilengkapi dengan ilmu.

Oleh itu, marilah kita menjadi manusia yang cintakan ilmu pengetahuan kerana kelebihan menuntut ilmu adalah sangat besar. Sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga.”*

﴿Hadis Riwayat Abu Daud, At-Tirmizi dan Ibnu Majah﴾

## **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,**

Penekanan kepada budaya ilmu haruslah dipikul oleh semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat dan juga guru. Tanggungjawab ini bukan semata-mata di bilik darjah yang berada di sekolah, tetapi haruslah diambil cakna oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya ibu bapa sebagai guru utama anak-anak di rumah agar kita dapat melahirkan lebih ramai ilmuwan dan intelektual pada masa hadapan.

Misalnya, sekiranya kita dapati ada dalam kalangan masyarakat di sesebuah komuniti yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih



tinggi, namun tidak berpeluang kerana faktor kemiskinan dan kesusahan hidup, maka seharusnya kita semua membantu yang termampu seperti memaklumkan kepada institusi zakat, pemimpin masyarakat serta pihak yang berkepentingan agar bantuan dapat diberikan.

Sifat tolong menolong dan bantu membantu amatlah mulia terutamanya kepada mereka yang menghadapi kesusahan untuk melanjutkan pelajaran. Daripada Abu Musa Al-Asya'ari, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksudnya: “Hubungan orang mukmin dengan orang mukmin yang lain baginya satu bangunan yang saling memperkukuh antara satu sama lain.”

﴿Mutafaqun ‘Alaih﴾

Oleh sebab itulah antara kelompok asnaf yang layak untuk menerima agihan zakat adalah mereka yang berjuang di jalan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, termasuk mereka yang menuntut ilmu pengetahuan. Mungkin dengan bantuan yang kecil ini akan dapat membantu dan menyelamatkan mereka tercicir daripada arus perdana.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,**

Allah berfirman pada ayat keempat daripada Surah At-Tin:





## لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١٥﴾

Maksud: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (berkelengkapan sesuai dengan keadaannya.)*”

Berdasarkan ayat ini, Ibnu Kathir menyebutkan dalam tafsirnya antara kelebihan manusia ialah dikurniakan pendengaran dan penglihatan serta hati yang dengannya itu boleh berfikir setiap sesuatu yang bermanfaat untuk dirinya sendiri. Mereka juga mampu membezakan tentang sesuatu perkara dan boleh mengetahui manfaat dan kemudaratan serta kelebihan dalam perkara-perkara dunia dan agama untuk manfaat dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Selain itu juga, Allah mengurniakan keistimewaan akal manusia, kebolehan membezakan antara yang baik dan buruk serta kesanggupan menerima ilmu yang pelbagai bentuk dan jenis. Melalui ilmu yang dipelajari, mereka mampu melakukan pelbagai perkara yang mendatangkan manfaat dalam menjalani kehidupan di atas muka bumi ini.

Ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak memberi tumpuan kepada pelajaran sama ada dalam bidang akademik mahupun kemahiran. Kecenderungan anak remaja dewasa ini untuk terus bekerja sebelum menamatkan pengajian ke peringkat yang sepatutnya, adalah sesuatu yang membimbangkan. Fenomena ini akan membentuk masyarakat Islam yang hanya berkemampuan menjadi pekerja sahaja (kuli) sedangkan untuk membina negara MADANI yang maju, kita memerlukan pekerja yang

berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Asuh dan gilap kekuatan setiap anak yang dianugerahkan kepada kita.

## **SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,**

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari ini, marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:

**Pertama:** Kita hendaklah menekankan budaya ilmu terutamanya kepada anak-anak yang masih berada di zaman persekolahan.

**Kedua:** Ilmu yang benar akan memberikan manfaat kepada manusia dalam meneruskan tugas sebagai khalifah di atas muka bumi.

**Ketiga:** Sikap prihatin ibu bapa dan masyarakat kepada mereka yang memerlukan ilmu pengetahuan akan diberikan ganjaran yang besar di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَكُ وَالرُّسُلُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾



Maksudnya: “Allah menjelaskan (kepada sekalian makhluknya dengan dalil dan bukti) bahawasanya tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan. Begitu juga para malaikat dan orang yang berilmu yang menegakkan keadilan. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ مَا  
سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan September

2023M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلْيَةِ الْإِيَّهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِحُجَّتِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،  
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا  
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٩١﴾